



Anwar mengunjungi Bazar Ramadan Mahkota Square di Kuantan, semalam.

(Foto bermama)

Pendaftaran PADU

Rafizi perlu perjelas kepada Kabinet

PM minta teliti isu susulan kebimbangan dibangkitkan Premier Sarawak

bhnews@bh.com.my

Kuantan: Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli diminta memberi penjelasan kepada Jemaah Menteri berhubung isu pendaftaran Pangkalan Data Utama (PADU) minggu ini,

Perkara itu dimaklumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim susulan kebimbangan yang dibangkitkan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg mengenai sistem itu.

“Semalam (kelmarin) saya sempat bincang dengan Premier Sarawak dan beliau menyuarakan beberapa kebimbangan serta membangkitkan beberapa persoalan.

“Sehubungan itu, Menteri Ekonomi (Rafizi) diminta meneliti

dan menjelaskannya kepada Jemaah Menteri,” katanya seperti dilaporkan *BERNAMA*.

Beliau berkata demikian ketika mengulas gesaan kerajaan negeri Sarawak agar pendaftaran dan kemas kini PADU di negeri itu ditangguhkan.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan jelajah mesra di Bazar Ramadan Mahkota Square di sini yang turut disertai Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Media sebelum ini melaporkan Sarawak meminta beberapa perubahan dibuat berkaitan maklumat peribadi yang perlu diisi dalam sistem PADU dengan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan negeri, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah, turut mengibaratkan pendaftaran dalam pangkalan data itu seperti ‘menelanjangkan diri’ apabila mendedahkan semua butiran peribadi, termasuk akaun bank, hartanah dan pelaburan.

Beliau bagaimanapun memaklumkan ia bukan bermakna kerajaan Sarawak tidak menyokong inisiatif Kerajaan Persekutuan, tetapi sekadar meminta PADU diteliti semula kerana melihat ada maklumat peribadi

yang tidak sepatutnya didedahkan.

Kementerian Ekonomi dilaporkan akan mengadakan pertemuan dengan kerajaan negeri Sarawak minggu ini untuk membincangkan isu berkaitan pendaftaran PADU.

Sementara itu, Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin ketika ditemui media selepas melawat kempen pendaftaran PADU di Kampung Tok Set di Pendang, Kedah memaklumkan lebih 7.36 juta rakyat mencakupi 33.9 peratus daripada penduduk di seluruh negara telah mendaftar dalam sistem pangkalan data itu, ketika lapan hari sahaja berbaki sehingga tarikh tamat 31 Mac.

Beliau berkata, angka pendaftaran itu menunjukkan rekod lebih 10 juta rakyat merangkumi ketua isi rumah dan tanggungan mereka, telah disepadukan ke dalam pangkalan data.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga, katanya, menjangkakan peningkatan ketara pendaftaran dalam beberapa hari akan datang, berikutan kadar pendaftaran harian semakin meningkat baru-baru ini.